



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 22/2023

HAJI ADALAH REHLAH KEIMANAN

2 Jun 2023

Bersamaan

13 Zulkaedah 1444

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ، وَنَسْتَعِينُهُ، وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَسَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ،

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،

وَأَشْهَدُ أَنَّ نَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ،

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ! أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita memperteguhkan keimanan dan ketakwaan kita ke hadrat Allah taala dengan mentaati perintahNya, melaksanakan amalan soleh, menjauhi laranganNya dan meninggalkan semua perkara maksiat serta mungkar.

Mudah-mudahan kita terus dianugerahkan hidayah dan taufik, serta ditetapkan keimanan sehingga saat kembali kepadaNya.

Mimbar pada hari Jumaat yang mulia ini akan membincangkan khutbah yang bertajuk:

“Haji Adalah Rehlah Keimanan”

Hadirin Jumaat yang diberkati Allah sekalian,

Alhamdulillah, khatib mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada mereka yang terpilih sebagai dhuyuf ar-Rahman untuk menunaikan ibadah haji, rukun Islam yang kelima di Tanah Suci Makkah al Mukarramah pada tahun ini. Kita doakan mudah-mudahan perjalanan dhuyuf ar-Rahman diberikan keselamatan dan mendapat haji yang mabrur.

Jamaah Muslimin sekalian,

Rehlah Haji bermaksud satu perjalanan yang memerlukan pengorbanan jiwa, emosi, harta, keluarga dan kesihatan demi pengabdian diri kepada Allah. Ibadat ini sebagai menyahut seruan Baginda Nabi Ibrahim AS sebagaimana firman Allah dalam surah al-Hajj ayat 27:

وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَكَ مِنْ كُلِّ

فَجٍّ عَمِيقٍ ﴿٢٧﴾

Maksudnya: Dan serulah umat manusia untuk Haji, mereka akan datang ke rumah Tuhanmu dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta, yang datangnya dari berbagai jalan dan ceruk rantau yang jauh.

Perlaksanaan ibadah Haji antaranya mengandungi wukuf di Arafah, mabit di Muzdalifah dan Mina, melontar Jamrah, tawaf dan Saie, serta tahallul; kesemua amalan itu adalah suatu rehlah keimanan bagi setiap individu yang melaksanakannya.

Perjalanan ibadah haji juga merupakan medan pendidikan diri dan motivasi jiwa yang berpaksikan kepada perhambaan diri kepada Allah swt dalam memantapkan akhlaq terpuji dan membersihkan diri daripada kotoran dosa dan maksiat yang keji.

Diharapkan kepulangan setiap jamaah haji nanti berupaya mencapai hikmah pensyariatan ibadah haji iaitu meningkatkan keimanan dan ketaqwaan, penyucian jiwa dan pengampunan dosa, memberi keinsafan dan memupuk kesabaran dalam diri.

Muslimin yang dimuliakan Allah,

Jemaah Haji adalah tetamu Allah yang mengunjung Baitullah dengan dengan tulus dan ikhlas hati. Kerana itulah, lafaz talbiah yang sentiasa diulang-ulang oleh setiap jamaah haji adalah:

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ،

إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ، لَا شَرِيكَ لَكَ

Maksudnya : “HambaMu menyahut panggilanMu ya Allah, hambaMu menyahut panggilanMu, hambaMu menyahut panggilanMu. Tiada sekutu bagiMu, sesungguhnya segala pujian, kenikmatan dan kerajaan adalah milikMu, tiada sekutu bagiMu”.

Para jamaah haji dituntut untuk mengambil peluang keemasan sebagai tetamu Allah agar melaksanakan ibadah haji dengan bersungguh-sungguh, penuh keikhlasan dan keimanan serta mengharapkan ganjaran dan keredaan Allah swt . Sebagaimana sabda Nabi SAW:

مَنْ حَجَّ لِلَّهِ فَلَمْ يَرُفْثْ، وَلَمْ يَفْسُقْ، رَجَعَ كَيَوْمِ وَلَدَتْهُ أُمُّهُ

Maksudnya: “Sesiapa yang mengerjakan haji demi kerana Allah, lalu dia tidak berkata kotor dan tidak melakukan perkara fasiq, maka dia akan kembali suci (bersih daripada dosa) seumpama hari ketika dia dilahirkan oleh ibunya”.

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Justeru, bakal jamaah Haji dinasihati agar :

Pertama: Persiapkan diri dengan ilmu berkaitan ibadah haji yang mencukupi dengan sentiasa mempelajari dan mengulangkaji cara serta kaedah bagi melaksanakan ibadah itu dengan baik.

Kedua: Pastikan kewangan adalah daripada sumber yang halal untuk perbelanjaan ke tanah suci dan bekalan bagi keluarga yang ditinggalkan di kampung.

Ketiga: Jagalah kesihatan dan persiapan fizikal sebelum bertolak, semasa berada di sana dan selepas pulang ke tanahair.

Keempat: Persiapkan mental, fizikal, rohani dan jiwa yang baik bagi memperolehi semangat taqwa yang mantap.

Kelima: Selesaikan urusan berkaitan dengan manusia seperti hutang, memohon maaf atas kesalahan dan menunaikan hak yang sepatutnya.

Muslimin yang dirahmati Allah ;

Bagi mereka yang belum tersenarai dipanggil ke Tanah Suci atau belum mendapat giliran untuk mengerjakan haji, seeloknya juga dapat membuat persiapan dan persediaan awal bagi mencapai niat dan cita-cita ke sana.

Ia termasuklah usaha mendalami ilmu fardu 'ain, di samping pengetahuan berkaitan ibadah haji, melazimi amalan-amalan sunat, menghadiri solat berjamaah, termasuklah juga mencukupkan simpanan kewangan bagi menunaikan haji.

Akhirnya, marilah sama-sama kita hayati kepentingan ibadah haji sebagai satu rehlah keimanan yang memerlukan persiapan secukupnya dari aspek emosi, rohani, jasmani dan kewangan, agar kita dapat meraih ganjaran daripada Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَةٌ فَمَنْ فَرَضَ فِيهِنَّ الْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِي الْحَجِّ وَمَا تَفَعَّلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ وَتَكَزَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ

الزَّادِ النَّقْوَى وَاتَّقُوا يَا أُولِيَ الْأَلْبَابِ



Maksudnya : (Musim) Haji adalah beberapa bulan yang termaklum. Maka sesiapa yang berniat mengerjakan ibadat Haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri, dan tidak boleh membuat maksiat, dan tidak boleh bertengkar, dalam masa mengerjakan ibadat Haji. Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan diketahui oleh Allah; dan berbekallah, sesungguhnya sebaik-baik bekal adalah takwa; dan bertakwalah kepada-Ku wahai orang yang berakal.

(Surah Al- Baqarah ayat -197)

بَارِكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dikasihi.

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ
اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطِّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.
اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ
السُّلْطَانَ مُحَمَّدٍ الْمُكْتَفِيَّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.
وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
اللَّهُمَّ احْفَظْ وَوَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim

Perbaikilah hubungan antara kami, pertautkanlah hati-hati kami dengan penuh kasih sayang, limpahkanlah dalam kehidupan keluarga kami sakinah, mawaddah dan rahmah. Hidupkanlah semangat bekerjasama dan bersatu padu dalam kejiranan dan qaryah kami.

Kurniakanlah kepada para belia dan remaja kami jiwa yang mantap, iman yang teguh, ilmu yang bermanfaat agar mereka menjadi generasi al-Qowiyul al-Amin, generasi yang hebat lagi amanah. Jauhkanlah mereka daripada perkara-perkara yang boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Ya Allah,

Tunjukkanlah kami jalan-jalan kebaikan dan kesejahteraan, selamatkan kami daripada kegelapan kufur menuju kepada sinar iman, peliharalah akidah kami berpandukan akidah ahli sunnah wal jamaah. Janganlah Engkau pesongkan hati kami daripada kebenaran. Akhiri hayat kami dalam keadaan Islam dan Iman.

Ya Allah,

Jadikanlah negeri Terengganu, negeri yang aman dan damai. Bukakanlah pintu-pintu rezeki dari segala penjuru. Jaukanlah negeri kami ini dan negara umat Islam seluruhnya daripada segala malapetaka, musibah dan apa jua kemurkaanMu. Amin Ya Rabbal alamin.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أَذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
□ قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللَّهُ.